

BH PILIH B18A 13 (emel)

Penghidap barah payu dara termuda



Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bharian.com.my

STATISTIK menyatakan satu dalam sembilan wanita akan mendapat barah payu dara. Sebelum ini, antara faktor yang mengaitkan wanita dengan penyakit yang paling menakutkan wanita itu ialah lazimnya ia berlaku di kalangan wanita berusia 35 tahun ke atas dan kes kanak-kanak perempuan barah payu dara hampir tidak pernah kedengaran.

Tetapi berlainan di La Mirada, California apabila kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun, berjuang melawan penyakit pembunuh wanita nombor satu itu.

Hannah Powell-Auslam kelihatan sama seperti rakan sebayanya yang lain tetapi pada usia muda itu sudah berdepan dengan pengalangan yang amat menakutkan. Hannah berkata, sejurus disahkan menghidap barah awal tahun ini, beliau terkejut.

"Bagaimanakah ia boleh terjadi? Saya hanya berusia 10 tahun. Saya benar-benar terkejut," katanya.

Mimpi ngeri itu mula menghantui hidupnya apabila beliau berasa gatal di sekitar

Pengalaman kanak-kanak berusia 10 tahun buktikan pembunuh nombor satu di kalangan wanita tidak memilih mangsa

payu dara kiri. Ibunya melihat ada bengkak pada bahagian berkenaan lalu membawa Hannah berjumpa doktor yang mendapati ia adalah ketumbuhan yang sudah membesar sehingga dua inci.

Saat itu doktor yang memeriksanya sama sekali tidak menduga kemungkinan barah.

"Doktor mengatakan itu bukan barah payu dara kerana penyakit itu tidak terjadi pada kanak-kanak," kata ibu Hannah, Carrie Auslam.

Bagaimanapun, fakta mendapati sebaliknya. Hasil biopsi menyatakan ketumbuhan itu bertindak ganas.

"Kumpulan itu terdiri daripada dua komponen iaitu komponen padu dan komponen cecair digelar 'cystic component'," jelas pakar bedah onkologi, Dr Helena Chang.

Hannah sudah menjalani mastectomy, awal Mei lalu, bagaimanapun kini doktor mengesahkan barah berkenaan merebak ke limfa noda (kelenjar getah bening) yang membawa erti lebih banyak pembedahan atau kimoterapi perlu dilakukan. Kini Hannah bersiap menjalani pembedahan lanjutan untuk membuang kelenjar berkenaan.

"Saya ingin menjadi



"Saya ingin menjadi kanak-kanak normal. Saya ingin kembali ke sekolah, mengikuti kelas olahraga, dan keluar dengan teman-teman"

Hannah Powell-Auslam
Penghidap barah payu dara termuda

kanak-kanak normal. Saya ingin kembali ke sekolah, mengikuti kelas olahraga, dan keluar dengan teman-teman," katanya.

Bagi mendokumentasikan perjuangan Hannah melawan barah, keluarganya menulis blog dengan alamat ourlittle-sweetpea.com.

Ketua

Perkumpulan Hospital di California, Dr Nathan Honda, berkata barah payu dara di kalangan kanak-kanak adalah kes yang jarang atau belum ditemui sebelum ini, malah kebarangkalian kanak-kanak menghidap barah payu dara hanya 0.1 peratus.

Carrie berkata, Hannah masih mengharungi masa yang sukar. Si kecil mengalami juga 'stomach flu', tetapi Hannah seorang yang kuat.

"Dia tabah apabila berhadapan dengan orang ramai. Dia kuat untuk keluarga kami dan dia kekuatan kami waktu ini," katanya yang hanya dapat menggambarkan kesakitan dialami Hannah bagaikan merobek sanubarinya.

"Saya seperti merasakan penyakit ini merompak keindahan zaman kanak-kanaknya. Ia terlalu mengejutkan. Dia hanya berusia 10 tahun, tetapi sudah mendapat barah payu dara, ia benar-benar tidak pernah terjadi sebelum ini," katanya.



HANNAH ketika sihat. Gambar diambil menerusi blog keluarganya.

Sementara itu Carrie pada siaran *The Early Show Tuesday* berkata, sekiranya berlaku sesuatu perubahan ganjil kepada tubuh badan anda, segera beritahu kepada ibu dan bapa.

"Sekiranya anak anda merasakan sesuatu perubahan luar biasa kepada tubuhnya, mereka perlu bercakap dengan anda. Hannah tahu mengenai ketumbuhan pada badannya, tetapi dia tidak memberitahu saya pada peringkat awal kerana tahu ia adalah sebahagian daripada proses tumbesaran.

"Dia tidak memikirkan langsung ia akan memberikan kesan besar seperti hari ini. Hanya selepas beberapa bulan barulah saya tahu mengenai ketumbuhan itu, itupun saya tahu secara kebetulan. Kemudian ia menjadi masalah besar. Oleh itu apabila anak-anak mendapati sesuatu yang berbeza pada tubuhnya, mereka perlu

bercakap dengan ibu bapa mereka," katanya.

Koresponden Perubatan CBS News, Dr Jennifer Ashton, turut bersetuju dengan kenyataan Carrie dan menekankan bahawa sekiranya kanak-kanak yang hampir akil baligh, pelbagai perubahan berlaku termasuk fizikal, sosial dan emosi, malah mungkin masa yang cukup menjanggalkan bagi kanak-kanak perempuan.

"Percaya pada naluri anda, kita perlu mengajar kanak-kanak supaya percaya kepada tubuh badannya, tidak takut bertanya kepada ibu bapa dan sekiranya ada yang tidak kena, boleh rujuk kepada pihak doktor.

"Perkara ini bukan sesuatu yang normal dan perlukan penyiagaan. Statistik hanyalah rujukan kepada dunia perubatan untuk panduan doktor seperti kami. Selalunya ada saja di luar jangkaan," katanya.